

**NO SOALAN :444**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU  
PANJANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan  
kadar inflasi negara serta kedudukan hutang negara sejak 1990  
hingga tahun 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi  
membendung kenaikan kadar inflasi dan kenaikan harga barangan  
dan perkhidmatan serta mengurangkan impak terhadap kos sara  
hidup golongan berpendapatan pertengahan dan rendah. Kadar inflasi  
bagi 2016 adalah sebanyak 2.1%, sama seperti kadar inflasi pada

tahun sebelumnya (2015: 2.1%). Walau bagaimanapun, kadar inflasi bagi sembilan bulan pertama 2017 telah meningkat kepada 4%, terutamanya disebabkan oleh kenaikan semula harga minyak mentah global yang seterusnya menyebabkan peningkatan harga runcit minyak petrol dalam negara.

Untuk makluman yang berhormat, walaupun inflasi keseluruhan bagi tempoh sembilan bulan berada pada kadar 4%, namun inflasi teras (*core inflation*) hanya pada kadar 2.5% bagi tempoh yang sama, masih rendah dan terkawal. Pengukuran inflasi teras tidak mengambil kira barangan yang naik turun harganya bersifat sementara dan tidak mempunyai impak yang kekal kepada trend asas inflasi. Ini termasuk barangan yang harganya tidak menentu seperti sayuran segar dan makanan laut segar, barangan kawalan harga dan barangan yang dipengaruhi oleh kawalan harga kerajaan.

Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2017 adalah sebanyak RM685.1 bilion atau 50.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.7% atau RM662.4 bilion adalah hutang domestik (49.2% daripada KDNK), sementara 3.3% lagi atau RM22.7 bilion (1.7% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan

Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara  
keberhutangan sederhana.